



NEWS CATEGORIES

- Local
- Foreign
- Business
- Sports
- Leisure
- BM
- Kadazan Dusun
- Archives
- Latest News



pan tanda guna bahasa Melayu: Hajiji | Sabah vookon pogun nokoposuat kii

+ BM

Projek Perumahan Mampu Milik ubah landskap Kg Ganggarak

20th November, 2014

LABUAN: Projek Perumahan Mampu Milik yang dilaksanakan bakal merubah landskap Kampung Ganggarak dalam tempoh lima tahun mendatang.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, projek yang kini sedang giat dilaksanakan untuk menyediakan 1,560 unit rumah mampu milik bakal menjadikan Kampung Ganggarak sebuah bandar baharu sekaligus mengatasi masalah kesesakan di pusat bandar

Katanya, projek itu juga merupakan usaha kerajaan yang berterusan untuk membantu rakyat yang kurang berkemampuan untuk memiliki rumah sendiri.

Projek yang dibangunkan di atas tanah seluas 41.56 ekar itu turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan lain seperti pasar raya, dewan serbaguna, kawasan permainan, surau dan sebagainya.

"Saya yakin projek ini akan dapat menjadi tumpuan sebagai sebuah bandar baharu yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk keperluan rakyat" katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Bilik Mesyuarat Pejabat Syarikat Ganggarak Development Sdn. Bhd Ganggarak, dekat sini pada Ahad.

Menurut Datuk Seri Tengku Adnan rumah tersebut akan dijual kepada warga Labuan dengan harga antara RM155,000 hingga RM180,000 seunit.

Terdahlu sebelum itu beliau yang mengadakan lawatan singkat ke Labuan telah meninjau tapak bangunan Medan Selera yang baharu di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan dan melawat pasar baharu Labuan sebelum meninjau projek Perumahan Rumah Mampu Milikdi Kampung Ganggarak.

Turut sama, Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Datuk Isli, Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Yunus Kurus, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, datuk Mohd Nazri Osman, Pengarah Urusan Syarikat Ganggarak Development Sdn. Bhd, Annuar Adam dan Pengurus Besar Syarikat Ganggarak Development Sdn. Bhd. Abdul Malik Mohamed Hussain.

Back E-Mail Print



ACTION LINE



Now, you can also channel your complaints or grievances to Actionline through our E-Mail

You may write to: ActionLine, New Sabah Times, P.O. Box No 15141, 88861 Kota Kinabalu, Sabah.

ADVERTISEMENT

